



**SELASA, 13 OKTOBER 2020  
2.30 PETANG**

## **HEBAHAN PERGERAKAN STAF DAN PELAJAR DALAM TEMPOH BERKAITAN PENGISYIHIRAN ZON MERAH DAN PKPB DI BEBERAPA NEGERI**

Selaras dengan pengisytiharan Daerah Timur Laut (Pulau Pinang) sebagai zon merah, serta Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengenal pasti beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua staf dan pelajarnya. Antaranya:

### **1. PULANG KE KEDIAMAN RASMI SEKIRANYA SEDANG BERADA DI KAWASAN YANG AKAN MELAKSANAKAN PKPB**

- Semua **STAF** dikehendaki pulang segera ke kediaman rasmi masing-masing sekiranya sedang berada di negeri-negeri yang akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sebelum tempoh berkuatkuasa.
- Staf dan pelajar **DILARANG** mengunjungi kawasan-kawasan **ZON MERAH** dan berisiko Tinggi COVID-19 serta di negeri-negeri yang melaksanakan PKPB.

### **2. LARANGAN MASUK KE KAMPUS JIKA ADA KONTAK RAPAT DENGAN PESAKIT COVID-19 DAN INDIVIDU YANG MASIH DALAM SIASATAN COVID-19**

- Semua staf dan pelajar yang mempunyai kontak rapat dengan individu atau ahli keluarga yang positif COVID-19 atau masih dalam siasatan (PUI), **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke kampus.
- Jika mempunyai kaitan dengan perkara di atas; **STAF** perlu menghubungi ketua jabatan dan memaklumkan perkara berkenaan. Dapatkan kelulusan Ketua Jabatan untuk bekerja dari rumah dan menjalani kuarantin kendiri di kediaman masing-masing selama 14 hari.
- **PELAJAR**; Jika sedang berada di rumah, teruskan kuarantin kendiri selama 14 hari dan meneruskan pengajian secara dalam talian seperti biasa.

### **3. PENANGGUHAN AKTIVITI-AKTIVITI MELIBATKAN PIHAK LUAR**

- Semua aktiviti yang melibatkan **pihak luar masuk ke kampus (PELAWAT)** seperti program bersemuka, mesyuarat, bengkel, persidangan dan sebagainya perlu **DITANGGUHKAN** dengan serta-merta sepanjang Daerah Timur Laut Pulau Pinang masih berada dalam Zon Merah.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, semua staf dan pelajar digesa supaya sentiasa mengamalkan kawalan kendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit.

Sekiranya mengalami gejala COVID-19, staf dan pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian hotline Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- 1) Kampus Induk :- 04-6532267 / 04-6536124 (Nerve Centre)
- 2) Kampus Kesihatan :- 09-7671310
- 3) Kampus Kejuruteraan :- 04-5995530/5531/5532/5533
- 4) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) :- 04-5622999

Email :- [nerve\\_centre\\_usm@usm.my](mailto:nerve_centre_usm@usm.my)

**PROFESOR DR. MD ROSLAN HASHIM**

Pengerusi Nerve Centre COVID-19 USM

Merangkap

Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi  
Universiti Sains Malaysia

13 Oktober 2020